

RISALAH MAKLUMAT UNTUK PESAKIT

METRONIDAZOLE TINIDAZOLE



MINISTRY OF HEALTH
SINGAPORE



Adding years of healthy life



A member of the NUHS



A member of the NUHS



EASTERN
HEALTH
ALLIANCE



Jurong Health



 SingHealth



MENGENAI ubat anda

Metronidazole dan Tinidazole digunakan untuk merawat jangkitan-jangkitan. Metronidazole didapati dalam bentuk tablet oral serta bentuk suntikan. Ubat-ubat ini juga didapati dalam bentuk pesari vagina dalam kombinasi dengan Nystatin. Tinidazole didapati dalam bentuk tablet oral.

BAGAIMANAKAH saya mengambil/ menggunakan ubat ini?

Tablet oral:

- Jika ubat menyebabkan ketidakselesaan perut anda, maka ini boleh diambil dengan makanan atau kudapan. Periksa dengan doktor anda jika ketidakselesaan perut berterusan.
- Teruskan pengambilan ubat ini untuk rawatan penuh walaupun anda mula bertambah baik selepas beberapa hari.
- Ambil dos dengan selang masa tetap pada waktu siang dan malam.

Pesari vagina Metronidazole/Nystatin:

- Letakkan tablet vagina ke dalam alat pengguna. Basahkan tablet vagina dengan air untuk beberapa saat.
- Baringkan diri dengan kaki membengkok.
- Pegang alat pengguna dengan satu tangan. Masukkannya dengan perlahan-lahan ke dalam vagina. Henti pada tempat apabila anda sudah berasa tidak selesa.
- Tekan plunger dengan perlahan-lahan sehingga plunger berhenti.
- Undurkan alat pengguna. Ubat akan ditinggalkan di dalam vagina.
- Bersihkan alat pengguna selepas penggunaan dengan menarik plunger keluar daripada alat pengguna dan cuci kedua-dua bahagiannya dengan sepenuhnya dalam air panas bersabun.
- Cucikan dengan baik.. Selepas mengeringkan alat pengguna, letak balik plunger.

Apa yang patut saya buat jika saya TERLUPA satu dos?

Jika anda tertinggal satu dos atau terlupa ambil (atau guna) ubat anda, ambil (atau guna) dos tersebut sebaik sahaja anda ingat. Namun, jika sudah menghampiri masa untuk dos yang berikutnya, maka tunggu sehingga masa tersebut dan mengambil (atau menggunakan) ubat serta biarkan sahaja dos yang terlupa. Jangan gandakan dos anda atau ambil ubat yang berlebihan demi mengantikan dos yang terlupa. Jika anda sudah terlupa beberapa dos, sila panggil doktor anda untuk periksa dengan doktor apa yang patut anda buat.

Simpan semua ubat di tempat yang jauh daripada kanak-kanak
Buang semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau sudah tidak diperlukan lagi

Apakah KESAN-KESAN SAMPINGAN yang mungkin untuk ubat ini?

Ubat-ubat ini mungkin menyebabkan mual, cirit-birit, kehilangan selera makan, muntah, kekeringan mulut, rasa pahit yang tidak selesa serta perubahan rasa pada mulut. Untuk mengurangkan kekeringan mulut buat seketika, gunakan gula-gula tanpa gula atau larutkan sedikit cebisan air di dalam mulut anda.

Pengambilan minuman alkohol dengan ubat-ubat ini mungkin menyebabkan kesakit perut, mual, muntah atau kemerahan muka.

Ubat-ubat ini mungkin menyebabkan kepeninginan atau pitam. Jika dipengaruhi, jangan memandu atau mengendalikan mesin.

Apakah LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Tablet Oral:

Periksa dengan doktor anda jika simptom-simptom anda tidak bertambah baik dalam masa beberapa hari atau simptom-simptom bertambah buruk.

Jangan minum alkohol semasa pengambilan ubat-ubat serta 3 hari selepas pengentian rawatan. Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil anticoagulants (ubat-ubat untuk menipiskan darah seperti Warfarin). Penggunaan ubat dengan anticoagulants akan meningkatkan peluang pendarahan.

Pesari Vagina:

Pakai pelapik penyelap untuk mencegah ubat daripada terkena pakaian anda. Jangan menggunakan tampon kerana ini mungkin menyerap ubat. Pakai seluar dalam kapas tapi jangan memakai seluar dalam sintetik.

Beritahu doktor dan ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil sesetengah ubat, sediaan-sediaan jamu, produk-produk nutrisi atau vitamin.

Anda mesti memberitahu doktor anda jika anda alahan terhadap sebarang ubat-ubat lain atau jika anda berlakunya alahan semasa mengambil ubat ini. Simptom-simptom alahan termasuk salah satu atau lebih daripada yang berikut: kebengkakan muka/mata/bibir mulut, susah bernafas atau ruam kegatalan kulit yang merebak.

Beritahu doktor anda jika anda sedang menyusui anak, sedang hamil atau mungkin akan hamil semasa khusus rawatan.

Bagaimana patut saya MENYIMPAN ubat INI?

Simpan ubat di tempat yang kering dalam suhu bilik, jauh daripada haba dan cahaya matahari langsung. Jangan menyimpan ubat di dalam peti sejuk kecuali diarahkan untuk membuat demikian.